

28/03/1997

Sarawak nikmati kestabilan politik

Misiah Taib

KUCHING, Khamis - Sarawak berjaya menikmati kestabilan politik yang cukup mantap sejak 16 tahun lalu, kerana rakyat memberi kepercayaan penuh kepada pemimpin yang melaksanakan corak kepemimpinan adil dan dedikasi.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, berkata kerajaan negeri diterajui Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, sentiasa bertindak adil kepada rakyat sama ada di bandar, mahupun di luar bandar.

"Sokongan berterusan yang diberikan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam setiap pilihan raya, termasuk pilihan raya lalu adalah bukti jelas rakyat berpuas hati dengan daya kepemimpinan yang dimiliki Sarawak sepanjang tempoh itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Malam Kesinambungan Perpaduan Dan Pembangunan Bersama Datuk Taib sempena majlis ulang tahun ke-16 Taib sebagai Ketua Menteri Sarawak, di sebuah hotel, di sini, malam tadi.

Hadir sama ialah isteri Ketua Menteri, Puan Sri Laila Taib; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam; menteri Kabinet negeri dan Persekutuan serta ahli parti komponen BN negeri.

Jabu juga Pengerusi Jawatankuasa Pengelola sambutan ulang tahun itu berkata, di bawah kepemimpinan sekarang Kerajaan Sarawak bukan saja kukuh dan stabil, malah berjaya melaksanakan pelbagai program utama dalam agenda pembangunannya.

Menurutnya, pertumbuhan ekonomi Sarawak mencatat prestasi yang tinggi dan seimbang dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, keadaan yang amat membanggakan ini berjaya meningkatkan lagi keyakinan pelabur tempatan dan pelabur dari luar negeri yang semakin ramai menaruh minat untuk datang ke Sarawak.

"Kami (menteri-menteri kabinet) menyokong segala usaha Ketua Menteri untuk memperhebatkan pelbagai infrastruktur, melaksana projek pertanian secara komersil, mempercepatkan program industri berteknologi tinggi, menubuhkan lebih banyak pusat pertumbuhan desa dan membina jalan raya seperti di pesisir serta luar bandar.

"Kami juga menyokong penuh segala program pembangunan sumber manusia, penggalakan industri pelancongan, projek pembangunan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) dan semua program berasaskan pembangunan yang dirancangkan Ketua Menteri," katanya.

Beliau juga mengajak rakyat, khususnya Bumiputera di luar bandar yang masih mundur agar membabitkan diri dalam projek pembangunan tanah NCR yang dilaksanakan kerajaan, bagi faedah mereka sendiri.

Jabu berkata, ramai tokoh pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengakui kehebatan prestasi Sarawak bukan saja dalam memulihara kestabilan politik serta keharmonian kaumnya, malah dalam menjamin pembangunan berterusan.

Menurutnya, rekod 16 tahun sebagai Ketua Menteri yang dipegang oleh Taib adalah satu pencapaian yang belum dapat ditandingi oleh mana-mana Ketua Menteri sebelum ini dan semua ini berlaku kerana rakyat sendiri menyenangi daya kepemimpinan pemimpin itu.

Beliau juga yakin dasar politik pembangunan kerajaan BN Sarawak mampu memberi pembangunan dan kesejahteraan berterusan kepada rakyat, asalkan rakyat sama-sama menyokong serta mendokong cita-cita pucuk kepemimpinan yang ada sekarang.

Sempena majlis itu, hampir 1,000 jemputan yang hadir dihiburkan dengan persembahan nyanyian oleh artis terkenal dari Indonesia, Dewi Yul serta beberapa artis tempatan. Pelakon serta penyanyi terkenal dari Semenanjung, Tiara Jacquelina turut dijemput sebagai pengacara majlis berkenaan.

(END)